



## Pelan Strategik 2011-2013 Pastikan UPM Terus Berdaya Saing



**SERDANG, 17 Disember** – Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan dokumen Pelan Strategik 2011 – 2013 untuk menjadikan UPM terus berdaya saing demi menempatkan kedudukannya sebagai universiti bereputasi antarabangsa.

Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata pelan yang berintipatikan enam matlamat itu akan membantu proses menjadikan UPM lebih kompetitif selain berperanan memacu pengajian tinggi serantau dengan kerjasama jitu seluruh warga UPM.

“Enam matlamat ini merangkumi kesemua 10 matlamat pada pelan sebelumnya. Aspek terpenting dalam Pelan Strategik ini ialah proses implementasi pelan tersebut agar UPM terus unggul mendepani arus persaingan globalisasi antara universiti, seterusnya menentukan hala tuju pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan taklimat kepada kira-kira 1,000 tetamu yang terdiri daripada pemegang taruh (stakeholders) luar dan dalam institusi seperti staf, pelajar, pemimpin masyarakat dan juga industri dalam Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2011-2013 di sini.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha berkata UPM merangka pelan baharu selama 3 tahun kerana pelan sebelumnya iaitu untuk tempoh selama 10 tahun adalah terlalu panjang dan berisiko dari aspek memenuhi kehendak pasaran dan peredaran masa yang dinamik.

“Nilai-nilai yang diterapkan bagi memastikan pencapaian pelan itu ialah kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan integriti yang merupakan nilai bersama yang harus dikongsi bersama seluruh warga universiti.

“UPM juga menyepadukan visi dan misinya dengan agenda kritikal Transformasi Kementerian Pengajian Tinggi dan dasar Model Ekonomi Baru negara dalam menentukan matlamat Pelan Strategiknya,” katanya.

Pengarah Perancangan Korporat UPM, Prof. Dato’ Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman ketika ditemui berkata proses pembangunan pelan yang komprehensif itu melibatkan beberapa peringkat iaitu siri bengkel perancangan, pemurnian dan sesi maklum balas selama 14 bulan.

“Proses ini melibatkan 155 orang tenaga pemikir dengan kerjasama dan sokongan penuh seluruh warga kampus. Selain itu, proses dokumentasi pelan ini turut mengambil kira penambahbaikan berdasarkan Laporan Audit Swaakreditasi dan ekseseis-ekseseis kritikal yang lain,” katanya.



### Pelan Strategik 2011 – 2013 UPM

#### **MATLAMAT 1**

Menarik pelajar cemerlang dan menghasilkan graduan berilmu dan berdaya saing.

##### **Objektif :**

- Meningkatkan peratusan pelajar cemerlang memilih UPM
- Memberikan nilai tambah dalam pembelajaran pascasiswazah
- Meningkatkan kebolehdapatan kerja

#### **MATLAMAT 2**

Melonjak tahap pencapaian penyelidikan dan inovasi ke peringkat antarabangsa.

##### **Objektif :**

- Melonjakkan tahap pencapaian penyelidikan ke peringkat terbilang
- Menjana kekayaan melalui pengkomersilan hasil dan inovasi penyelidikan

#### **MATLAMAT 3**

Memperkasakan penglibatan komuniti untuk penjanaaan dan perkongsian ilmu

##### **Objektif :**

- Melibatkan jalinan strategik dengan industri dan masyarakat
- Menggalakkan penglibatan pemegang taruh

#### **MATLAMAT 4**

Memperkasakan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan pertanian dan biosumber tropika.

##### **Objektif :**

- Meningkatkan bilangan graduan yang menjalani program inkubasi keusahawanan
- Menambah bilangan teknologi lestari berimpak tinggi
- Menjadikan UPM sebagai pusat rujukan utama oleh komuniti pertanian

#### **MATLAMAT 5**

Memperkemas tadbir urus dan pengurusan sumber berdasarkan amalan terbaik.

##### **Objektif :**

- Mengusahakan penjanaaan pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan awam
- Memastikan bahawa bilangan staf bukan akademik berkelulusan PhD dipertingkat
- Menggalakkan staf bukan akademik mempertingkatkan kelayakan akademik/profesional
- Memantapkan pengurusan sumber ilmu, fizikal serta teknologi maklumat dan komunikasi menerusi pelaksanaan pelan induk yang bersepadu

#### **MATLAMAT 6**

Memperkasakan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan sebagai Top Business School (TBS)

##### **Objektif :**

- Menggemilangkan pengajaran dan pembelajaran di TBS
- Melonjakkan pencapaian penyelidikan
- Mempermantapan jaringan dengan institusi antarabangsa dan tempatan yang terkemuka

**Berita disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat – Khairul Anuar Muhamad Noh**

**03-89467469**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia